



SIARAN MEDIA

LTAT PERKASAKAN PERLINDUNGAN SOSIAL ANGGOTA ATM MELALUI PENGURUSAN KEWANGAN YANG MAMPAN DI MINGGU BERSAMA PENCARUM: JELAJAH SELATAN 2024

- *Santuni 3,500 Anggota ATM di Kem Syed Sirajuddin Gemas, Negeri Sembilan, Kem Terendak, Melaka dan Kem Mahkota Kluang, Johor.*
- *Peluncuran Laporan Pencarum 2023 yang pertama kali diterbitkan oleh LTAT.*
- *Penyampaian Sumbangan Chromebook dan Bantuan Kebajikan oleh Yayasan LTAT kepada Anak-anak dan Keluarga ATM untuk Ringankan Beban Pendidikan dan Kesihatan.*

KLUANG, 6 SEPTEMBER 2024 – Minggu Bersama Pencarum: Jelajah Selatan 2024 (“MBP”) anjuran Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) melabuhkan tirai dengan penuh kejayaan hari ini, dengan hampir 3,500 pengunjung dari kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) hadir di tiga kem tentera di selatan Malaysia.

Program Minggu Bersama Pencarum terus menjadi landasan utama bagi LTAT untuk menyantuni dan meningkatkan keterlibatannya dengan warga ATM. Program 3-hari yang telah dianjurkan di antara 2 hingga 6 September ini menawarkan pelbagai aktiviti menarik dan platform bual bicara yang memberi penekanan kepada faedah-faedah yang disediakan oleh LTAT kepada pencarum, pendedahan berhubung pengurusan kewangan yang mampan, serta peluncuran Laporan Pencarum LTAT 2023, sebuah inisiatif terbaru LTAT yang bertujuan untuk memberi kefahaman yang mendalam berhubung peranan LTAT terhadap warga ATM dan pembangunan ekonomi negara.

Penaiktarafan Pengalaman Program Demi Penglibatan Warga ATM yang Menyeluruh

Memasuki tahun kedua penganjurannya, MBP telah dinaiktaraf bagi memastikan peningkatan kefahaman anggota ATM terhadap kesejahteraan dan perlindungan sosio-ekonomi semasa perkhidmatan dan selepas persaraan.

Jerayawara MBP dihadiri oleh YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain Jantan, Panglima Tentera Darat selaku wakil rasmi Panglima Angkatan Tentera, disertai YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, serta YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan. Majlis turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi ATM.

MBP menganjurkan slot Inspirasi Veteran ATM yang menampilkan usahawan-usahawan berjaya di kalangan veteran ATM, serta slot Laman Bicara yang menampilkan personaliti-personaliti terkenal yang berkongsi tips kejayaan. Acara kemuncak program ini yang julung kali diadakan adalah sesi perkongsian oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan dan YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan melalui slot Bicara, yang menjadi platform untuk mereka berkongsi pandangan terhadap masa depan keselamatan negara dan kebajikan anggota ATM.

Program ini turut diserikan dengan aktiviti BHPetrol Titan Challenge yang menyediakan cabaran fizikal dan mental kepada warga ATM yang hadir.

Anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu LTAT turut menyertai program ini dengan menyediakan reruai untuk warga ATM. Antara syarikat yang terlibat adalah Boustead Holdings Berhad, Boustead Plantations Berhad, BH Petrol, Affin Bank Berhad, AHAM Asset Management, Pharmaniaga Berhad dan lain-lain. Program ini juga diserikan dengan acara cabutan bertuah khas sebagai tanda penghargaan LTAT kepada warga ATM atas sokongan mereka.

Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("YLTAT") juga turut menyampaikan sumbangan chromebook, yang ditaja oleh BHPetrol kepada anak-anak warga ATM yang menduduki SPM pada tahun ini. Program ini merupakan kerjasama antara YLTAT dan Universiti Pendidikan Sultan Idris ("UPSI"), yang melibatkan seramai 969 anak-anak warga ATM calon SPM 2024 yang bersekolah di luar kem seluruh negara untuk mengikuti program rintis tuisyen dalam talian, e-Perkasa SPM dengan menggunakan chromebook tersebut.

Selain itu, sumbangan kebajikan turut dipanjangkan kepada anggota ATM dan keluarga mereka yang menghidap penyakit kronik dan OKU, yang disempurnakan oleh YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain Jantan, Panglima Tentera Darat. Sumbangan kebajikan ini mencerminkan keprihatinan kementerian dan bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan yang dihadapi oleh keluarga yang terlibat.

Peluncuran Laporan Pencarum 2023 yang Pertama oleh LTAT

Salah satu agenda utama program ini adalah peluncuran Laporan Pencarum LTAT 2023, sebuah laporan komprehensif yang julung kali diterbitkan bertujuan untuk membantu anggota ATM memahami dengan lebih baik peranan dan tanggungjawab LTAT. Laporan ini juga menekankan faedah-faedah yang disediakan oleh LTAT, serta memperlihatkan komitmen LTAT dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan sosio-ekonomi warga ATM dan peranannya dalam menyokong pembangunan ekonomi Malaysia, selaras dengan inisiatif Ekonomi MADANI yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

Program ini turut mengetengahkan kepentingan literasi kewangan dalam kalangan warga ATM, bagi memberi kesedaran dan membantu warga tentera untuk menguruskan kewangan mereka dengan bijak, lantas memperkukuhkan perlindungan sosial mereka selepas persaraan.

Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, menegaskan, "Kementerian Pertahanan komited untuk melindungi kesejahteraan sosio-ekonomi dan perlindungan sosial anggota ATM selepas perkhidmatan mereka. Pengorbanan dan dedikasi anggota ATM adalah asas pertahanan negara, dan dengan sokongan kolektif, saya yakin Malaysia akan terus aman, makmur, dan dihormati di peringkat antarabangsa. Saya juga akan terus mendukung usaha LTAT dalam memastikan simpanan persaraan anggota ATM terus berkembang dengan mampan, demi kehidupan persaraan yang selesa dan terjamin."

Ketua Eksekutif LTAT, YBrs. En. Ashraf Radzi, turut menyampaikan penghargaan, “Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada anggota ATM, para pencarum yang merupakan pemegang taruh utama LTAT atas sokongan dan kepercayaan berterusan. Penghargaan khusus kami sampaikan kepada Tentera Darat Malaysia yang berganding bahu bersama LTAT dalam menjayakan program ini. Kami berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang, selaras dengan usaha kami untuk memberikan perkhidmatan dan pulangan yang terbaik. LTAT kekal komited dalam menjalankan amanah ini, Demi Wira Kami.”

Diinspirasikan oleh kejayaan Roadshow Ulang Tahun Ke-50 LTAT pada 2022, Minggu Bersama Pencarum tahun ini berlangsung di wilayah selatan, dengan fokus mengukuhkan hubungan dua hala antara LTAT, Kumpulan Syarikatnya, dan warga ATM yang bertugas di Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Kem Terendak, Melaka, dan Kem Mahkota Kluang, Johor.

-TAMAT-

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) serta pesara tentera. Terbaru, pindaan terhadap Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah berkuatkuasa pada 1 November 2022.

PERHUBUNGAN MEDIA

Izzat Alhadjri

Pengarah,

Ketua Komunikasi Strategik

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +603- 4815 8888

Laman web : www.ltat.gov.my